

Rakyat perlu dididik

BH-23/8/2006

manfaat ilmu:

Abdullah

KUALA LUMPUR: Malaysia perlu memberi fokus terhadap usaha melengkapkan rakyat dengan kemahiran, ilmu dan latihan yang akan menjadikan mereka tenaga kerja yang produktif dan berpengetahuan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagi mencapai matlamat itu, Perdana Menteri berkata, latihan sesuai dengan keperluan pasaran perlu diberi untuk memastikan pekerja memperoleh kemahiran khusus.

Beliau berkata, kemahiran adalah elemen penting menguasai bahasa, matematik dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang memberikan seseorang individu itu pengetahuan, kemahiran dan pemahaman penting yang akan membolehkan mereka bekerja dengan lebih yakin, berkesan dan secara sendiri.

"Walaupun pengetahuan dan maklumat lebih mudah diperoleh sekarang, namun kebanyakan orang memerlukan latihan lanjut untuk membolehkan mereka menterjemahkan pengetahuan itu kepada sesuatu yang bermakna dan bernilai.

"Dalam erti kata lain, rakyat perlu dididik bagaimana menggunakan pengetahuan sebaiknya, bagi membentuk nilai dalam kehidupan seharian dan pekerjaan mereka," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Sedunia dan Pameran Pertubuhan Pembangunan dan Latihan Persekutuan Antarabangsa (IFTDO) 2006 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Lebih 1,000 peserta termasuk kira-kira 200 dari 30 negara lain menyertai persidangan bertemakan 'Harmoni Pendidikan dan Latihan' yang dianjurkan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Abdullah berkata, budaya belajar sepanjang hayat juga mesti dipupuk kerana dalam persekitaran pekerjaan yang dinamik sekarang, setiap orang perlu fleksibel dan dapat menyesuaikan diri untuk berjaya.

Katanya, tanggungjawab menyediakan bentuk latihan seumpama itu tidak terletak pada kerajaan sahaja. Sektor swasta sebagai sumber utama pekerjaan mesti memainkan peranan untuk melatih dan memberi nilai tambah kepada pekerja.

"Kos pendidikan dan latihan tidak harus dilihat sebagai bayaran tambahan yang perlu ditanggung tetapi sebagai pelaburan masa depan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, ada keperluan mendesak supaya industri secara bersama memainkan peranan aktif membentuk isu kandungan, penyampaian dan penilaian mengenai latihan dan pendidikan supaya sesuai dengan kehendak majikan dan masa depan.